

# Program tingkat kemahiran berbahasa Inggeris usahawan bumiputera Selangor

KUALA LUMPUR 5 Mei — Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Selangor (DPMMS) akan menjalankan program serampang dua mata dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris di kalangan usahawan bumiputera di Selangor.

Yang Dipertuanya, Datuk Riduan Md. Taib berkata, langkah itu adalah bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang bukan sahaja boleh menguasai malah bijak berbahasa Inggeris pada masa hadapan.

Menurutnya, langkah itu juga selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya bahasa Inggeris tidak dipinggirkan begitu sahaja.

Beliau berkata, DPMMS akan menganjurkan kelas Bahasa Inggeris Perniagaan bagi meningkatkan kebolehan berbahasa itu di kalangan ahli badan itu di negeri ini.

"Kelas ini akan dimulakan tidak lama lagi selepas segala urusan berhubung pelaksanaan program itu disiapkan," katanya kepada *Utusan* Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas teguran Dr. Mahathir semalam terhadap sesetengah pihak yang menganggap diri mereka nasionalis apabila begitu taksub mencanangkan hanya bahasa Melayu perlu dituturkan.

Perdana Menteri ketika merasmikan Seminar Pembudayaan ICT Menghadapi Cabaran K-Ekonomi anjuran Pemuda UMNO Pusat Dagangan Dunia Putra di sini berkata: "Mereka mendakwa bahawa bahasa lain khususnya Inggeris tidak wajar dipelajari dengan alasan bertutur bahasa Melayu sudah cukup."

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, nasionalis Melayu tulen adalah mereka yang mahu melihat kaumnya maju dan setaraf dengan bangsa lain tanpa menyekat pembelajaran bahasa lain terutama Inggeris.